



TIMBALAN Perdana Menteri Mauritius, Dr Beergoonath Ghurburrin disambut oleh Datuk Abu Hassan Omar setibanya semalam untuk lawatan lima hari ke negara ini. Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

Malaysia-Mauritius sahkan penubuhan suruhanjaya bersama

KUALA LUMPUR, Khamis — Malaysia dan Mauritius hari ini menandatangani suratcara pengesahan perjanjian mengenai penubuhan suruhanjaya bersama untuk meningkatkan kerjasama di bidang ekonomi dan teknikal di antara kedua-dua negara.

Malaysia diwakili oleh Menteri Luar, Datuk Abu Hassan Omar, manakala Mauritius pula oleh Timbalan Perdana Menteri, Dr Beergoonath Ghurburrin di majlis menandatangani suratcara di Wisma Putra hari ini.

Perjanjian asal mengenai penubuhan suruhanjaya bersama untuk kerjasama ekonomi dan teknikal di antara kedua-dua negara ditandatangani sewaktu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melawat Mauritius Ogos tahun lalu.

Dalam ucapannya, Datuk Abu Hassan berkata Malaysia dan Mauritius mencapai kerjasama yang membanggakan dalam masa singkat kerana kedua-dua negara hanya mengadakan hubungan diplomatik rasmi pada Januari 1987.

"Dalam masa singkat ini, banyak kejayaan dicapai seperti perjanjian kerjasama kebudayaan, ekonomi dan teknikal, perjanjian perkhidmatan penerbangan antara Kuala Lumpur dan Port Louis serta penubuhan pejabat imigrasi di Mauritius," katanya.

Datuk Abu Hassan berkata Southeast Asia Bank Ltd juga dijangka memulakan perniagaan di Port Louis April tahun ini.

"Semua ini menandakan permulaan era baru kerjasama ekonomi di antara Malaysia dan Mauritius," katanya.

Datuk Abu Hassan berkata kerjasama di kalangan ahli sektor swasta kedua-dua negara juga meluaskan lagi bidang kerjasama di antara Malaysia dan Mauritius.

Dr Ghurburrin, yang juga Menteri Perancangan Ekonomi dan Pembangunan Mauritius berkata peluang kerjasama adalah cerah kerana kedua-dua negara mengamalkan falsafah pembangunan ekonomi dengan matlamat yang sama.

Peluang

"Kami percaya pembangunan ekonomi tanpa mengambilkira faktor manusia, keadilan sosial dan persamaan hak tidak mencapai matlamat sebenar.

"Sejak mencapai kemerdekaan pada 1968, tumpuan pembangunan ekonomi diberi kepada usaha mengagihkan pendapatan negara, menghapus kemiskinan dan meningkatkan mutu hidup rakyat," katanya.

Dr Ghurburrin berkata seperti di Malaysia, sektor swasta Mauritius juga mula memberi sumbangan yang semakin bermakna terhadap pembangunan ekonomi negara.

Menurutnya, kerajaan Mauritius akan meminta bantuan Malaysia untuk melaksanakan beberapa projek di negara itu.